

Headline	Dunia iktiraf Malaysia		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 Jun 2013	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	2	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	175 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,069
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,208



Dunia iktiraf Malaysia

» *WHO puji transformasi program pulih penagih dadah*

► **Kuala Lumpur**

Kejayaan Malaysia melaksanakan program pemulihan penagih dadah mendapat pengiktirafan pelbagai pertubuhan antarabangsa, termasuk Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC).

Datuk Seri Najib Razak berkata, Program Bersama PBB mengenai HIV/AIDS (UNAIDS)

dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) serta badan bukan kerajaan (NGO) yang terlibat dalam pembasmian dadah memberi pengiktirafan itu berikutan kejayaan transformasi yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Perdana Menteri berkata, negara turut mendapat pujian badan dunia apabila dilihat sebagai satu-satunya kerajaan di dunia yang memberi sokongan penuh kepada usaha membasmi penagihan dadah dalam negara.

Beri penghargaan

WHO misalnya memberikan penghargaan dan pujian terhadap pendekatan Pulih dan Prihatin Malaysia dalam Laporan Good Practices In Asia:

Effective Paradigm Shifts Towards Improved National Response To Drug & HIV/AIDS yang dikeluarkan pada awal tahun lalu.

Najib berkata demikian dalam perutusan sempena Hari AntiDadah Antarabangsa (HADA) 2013 di sini, semalam. Tema sambutan ialah Suka-relawan Bukan Pilihan, Ia Satu Tanggungjawab yang disambut setiap 26 Jun, iaitu Hari Antidadah Antarabangsa.

Perdana Menteri berkata Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah bertindak proaktif dengan mengambil pendekatan yang diberi nilai tambah ke arah perkhidmatan rawatan dan pemulihan secara terbuka dan sukarela

dalam mengharungi era globalisasi yang semakin mencabar.

Transformasikan AADK

Katanya, perkhidmatan AADK ditransformasikan dengan mewujudkan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan terkini seperti Klinik Cure & Care 1Malaysia, Cure & Care Service Centre, Caring Community House (CCH), Cure & Care Vocational Centre (CCVC) dan Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC).

"Transformasi yang bermula pada 2010 menunjukkan impak positif dengan kehadiran terkumpul klien secara sukarela seramai 29,498 orang di 11 buah Klinik Cure & Care 1Malaysia.

"Klien yang mendapatkan perkhidmatan di 52 Cure & Care Service Centre mencecah 575,443 orang sehingga 30 April lalu," katanya.

BERNAMA